

Air empangan terpaksa dilepas: MB

BH 15/11

BATU PAHAT: Air Empangan Bekok di sini dan Sembrong, Kluang terpaksa dilepaskan apabila mencecah tahap berbahaya berikutan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata air dilepaskan secara berperingkat bagi mengurangkan tekanan air.

Beliau berkata, pelepasan juga bagi mengelak limpahan air yang boleh memberi kesan buruk kepada penduduk berhampiran.

"Kita terpaksa melepaskan air dari dua empangan itu bagi mengurangkan tekanan selepas mendapati paras air semakin naik dan sudah melepasi tahap bahaya," katanya selepas taklimat Jawatankuasa Bencana Daerah Batu Pahat di Hotel Katerina, di sini semalam.

Abdul Ghani berkata, paras air Empangan Sembrong kini lebih satu meter berbanding paras biasa iaitu sembilan meter, manakala Empangan Bekok mencecah dua meter melebihi paras biasa 13.3 meter.